

SOALAN NO: 23

Berasaskan prinsip kedudukan “*no worse off*” semasa penghijrahan Lesen Penyiaran kepada Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan, segala syarat – syarat lesen yang telah diberikan di bawah Lesen Penyiaran MBNS dikekalkan termasuk syarat kebenaran menyiarkan iklan selama 10 minit bagi setiap 1 jam siaran.

Hak eksklusif dan keistimewaan yang diberikan keatas MBNS oleh Kerajaan Malaysia adalah sebagai timbal balas pelaburan besar yang telah dibuat oleh MBNS untuk membangunkan infrastruktur penyiaran digital melalui satelit.

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9327

SOALAN:

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dimanakah pengambilan khas untuk Inspektor polis bagi kaum Cina diiklankan. (Berdasarkan kenyataan akhbar *Inspektor-General of Police* pada 23 September 2016, terdapat pengambilan khas bagi kaum Cina). Berapakah kaum Cina memohon bagi jawatan inspektor dan berapakah yang berjaya. Bilakah pengambilan khas seterusnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah melaksanakan Pengambilan Khas kaum Cina untuk jawatan Inspektor. Walau bagaimanapun, kenyataan Ketua Polis Negara pada 23 September 2016 adalah merujuk kepada program Pengambilan Khas Kaum Cina bagi jawatan Konstabel yang dibuat pada tahun 2014. Berdasarkan kenyataan itu, ketika pengambilan dilakukan sambutan yang diterima sangat dingin dan tidak seperti yang dijangkakan. Disebabkan sambutan yang kurang menggalakkan PDRM belum merancang untuk mengadakan pengambilan khas untuk masa hadapan.

Pada Tahun 2015, PDRM telah menjalankan ekseseis pengambilan Inspektor Awam Lelaki/ Wanita. Bilangan permohonan yang diterima dari Kaum Cina adalah seramai 641 orang sahaja. Setelah disenarai pendek dan dipanggil untuk proses dokumentasi didapati seramai 363 orang calon kaum Cina telah tidak hadir. Seterusnya 244 orang calon telah dipanggil untuk menjalani Ujian Fizikal dan hanya 190 orang sahaja yang hadir. Daripada jumlah tersebut seramai 153 orang calon telah layak untuk menduduki ujian *Malaysian Integrity Test* (MIT). Walau bagaimanapun hanya seramai 146 orang calon sahaja yang telah hadir menduduki ujian tersebut dan seramai 106 orang calon telah lulus ujian tersebut. Semua calon tersebut

telah dipanggil untuk ditemuduga dan hanya 58 orang calon sahaja yang layak untuk dilantik ke jawatan Inspektor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 25

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai undang-undang atau mekanisme khusus dan berkesan untuk tujuan mengawal dan meregularisasikan penggunaan pesawat “*Drone*” yang dianggap oleh banyak pihak sebagai boleh mengugat keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang atau mekanisme khusus untuk tujuan pengawalseliaan penggunaan pesawat ‘*Unmanned Aircraft System*’ atau lebih dikenali sebagai ‘*Drone*’ adalah diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016; Bahagian XVI yang telah berkuat kuasa mulai 15 April 2016.